

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CIDB Umum Dua Ikon TVET Pembinaan Sabah

150 Graduan CIDB Sedia Isi Keperluan Industri, Perkukuh Agenda TVET Negara

KOTA KINABALU, 14 Mei 2026 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini mengumumkan dua belia Sabah sebagai penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan CIDB. Anugerah itu diberikan sempena Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies Wilayah Sabah, hari ini.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi CIDB Malaysia, Dato Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab. Di dalam ucapan perasmian majlis tersebut, beliau menegaskan bahawa pengajian dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) adalah pemacu utama pembangunan tenaga kerja negara dan merupakan platform utama melahirkan tenaga kerja kompetitif dan berpendapatan tinggi.

Dua penerima **Anugerah Ikon TVET Pembinaan** yang diraikan membuktikan bahawa TVET bukan sekadar laluan alternatif, tetapi platform mobiliti sosial yang mampu mengubah kehidupan dan membuka peluang kerjaya bertaraf global.

Penerima pertama, Syahril Mohd Ariffin, 42 tahun, merupakan alumni ABM Wilayah Sabah yang memilih laluan TVET sejeurus selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mengikuti latihan *Architectural Drafting* dan memperoleh **SKKP**. Berbekalkan kemahiran yang diperoleh melalui latihan tersebut, beliau memulakan

kerjaya sebagai *draughtsman*, kemudian berkembang sebagai penyelia tapak dan kini berjaya memegang jawatan sebagai *Civil and Structure Inspector* di PETRONAS.

Manakala, **Richard Bin Jupilin, 25 tahun**, pula merupakan alumni CIDB Technologies Sabah dalam tred *Blasting & Painting* serta *Welding*. Mewakili generasi muda TVET yang berdaya saing global, beliau kini bekerja dengan syarikat *offshore* di Dubai dengan kepakaran dalam *Rope Access*. Sebelum ini, beliau turut menimba pengalaman bekerja di Sepanyol.

Kisah kedua-dua ikon ini menjadi bukti nyata bahawa TVET bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan, malah mampu melahirkan tenaga kerja mahir bertaraf dunia.

ABM dan CIDB Technologies Sabah merekodkan kadar kebolehpasaran graduan semua kampus ABM dan CIDB Technologies di seluruh negara sebanyak **94 peratus pada 2025, berbanding 82% pada 2024**. Peningkatan ini membuktikan keyakinan masyarakat terhadap kemahiran pembinaan sebagai laluan kerjaya adalah semakin kukuh.

Di dalam majlis ini, **seramai 150 graduan** menerima **Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)**, sebagai tenaga kerja mahir yang bersedia memenuhi keperluan industri pembinaan yang semakin berkembang di Sabah dan seluruh negara.

Berikut adalah senarai latihan kemahiran yang telah diikuti oleh pelatih yang diraikan di dalam majlis ini:

Mobile Crane Operations

Crawler Crane Operations

Scaffold Erection

Air-Conditioning and Mechanical Ventilation installer

Backhoe Loader Operations

Hydraulic Excavator Operator

Single-phase Electrical Installation

Gas Pipe Installer

Building Operations and Maintenance Handyman

Architectural draftsman
Bricklayer
Aluminium Framework Fabricator

CIDB Malaysia terus komited memperkasa **TVET pembinaan** dengan menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelatih termasuk **latihan kompetensi, pensijilan kemahiran, fasiliti latihan bertaraf industri** serta sokongan **penempatan pekerjaan** bagi memastikan graduan benar-benar bersedia memasuki industri.

Seramai **12** graduan turut menerima **Anugerah Graduan Cemerlang** sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian dan kecemerlangan mereka sepanjang mengikuti latihan TVET Pembinaan.

Dalam majlis yang sama, CIDB Malaysia turut menyampaikan **Sijil Penghargaan** kepada **9 rakan industri strategik** sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan kerjasama berterusan mereka dalam menyokong pembangunan tenaga kerja mahir negara.

Sementara itu, **Encik Suhaimi Mansor S.M.P, Pengurus Besar Kanan CIDB Malaysia** dalam ucapannya menekankan bahawa pendekatan latihan TVET pembinaan terus diperkukuh melalui keseimbangan antara teori dan praktikal serta pendedahan kepada teknologi moden, bagi memastikan graduan kekal relevan dalam industri yang semakin berkembang.

Beliau juga menyeru para **belia** menjadikan TVET sebagai pilihan utama kerjaya selaras dengan keperluan industri terhadap tenaga kerja mahir dan berdaya saing, manakala **pihak industri** digalakkan terus bekerjasama dengan institusi TVET bagi menyerap graduan tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing, selari dengan usaha kerajaan dalam memperkukuh ekosistem TVET melalui peningkatan standard kemahiran dan kerjasama strategik industri.

Selaras dengan agenda Sabah Maju Jaya, CIDB Malaysia kini sedang membangunkan **kampus baharu ABM Sabah** di Kampung Beringgis, Papar dengan kos pembangunan **RM130.6 juta** sebagai langkah strategik memperkukuh pembangunan modal insan **TVET Pembinaan di Sabah**.

Dibangunkan di atas tanah seluas **50 ekar** dan dijangka siap pada tahun **2027**, kampus tersebut bakal menjadi kampus ABM antara terbesar di Malaysia serta mampu menampung sehingga **700 pelatih** pada satu-satu masa, sekali gus meningkatkan kapasiti latihan belia dan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri pembinaan negara.

Inisiatif ini dijangka meningkatkan kapasiti latihan serta memperluas penggunaan teknologi dalam latihan kemahiran, selaras dengan keperluan industri pembinaan yang semakin dinamik.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my / cidbtech.com.my

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.